

MELAYU

chetti Melaka of the straits

Menemukan Semula Masyarakat India Peranakan

7 SEPTEMBER 2018–
5 MEI 2019

GALERI PAMERAN
KHAS, ARAS 2



INDIAN
HERITAGE
CENTRE

இந்திய
மரபுவெட்டமை
நிலையம்




SIAPAKAH CHETTI MELAKA?

“Di tengah-tengah kita, terdapat sebuah masyarakat minoriti yang menarik dan unik yang jumlahnya semakin berkurangan setiap tahun. Mereka adalah Orang India Peranakan... yang telah diketahui sejak dahulu...sebagai Chetti Melaka.”

Chetti Melaka (atau Chitty Melaka) adalah keturunan pedagang Tamil yang menetap di Melaka semasa pemerintahan Kesultanan Melaka (abad ke-15 hingga ke-16) dan telah berkahwin dengan wanita tempatan keturunan Melayu dan Cina. Masyarakat yang kebanyakannya berketurunan Hindu dari mazhab Saivite ini bertutur bahasa gabungan unik Melayu, Tamil dan Cina, yang dikenali oleh para sarjana sebagai Chetti Creole. Mereka berasal dari Kampong Chitty di Gajah Berang, Melaka dan dianggarkan terdapa kira-kira 5,000 orang Chetti di Singapura.


Pusat Warisan India, dengan kerjasama Persatuan Peranakan India (Chitty Melaka) Singapura, dengan bangganya mempersembahkan *Chetti Melaka dari Selat—Menemukan semula Masyarakat India Peranakan*. Ini merupakan edisi pertama dalam siri pameran bersama masyarakat Pusat Warisan India.

GALERI PAMERAN KHAS, ARAS 2



POTRET POTRET

Potret-potret dihasilkan khas untuk pameran Chetti Melaka Selat. Ia bertujuan untuk memperkenalkan imej masyarakat yang unik ini dahulu dan sekarang, dengan bertemakan kacukan dan identiti. Lukisan tangan oleh Nadia Alsagoff, *Potret Potret* merupakan satu usaha untuk memaparkan anggota-anggota Chetti Melaka Singapura seiringan dengan nenek moyang mereka buat kali pertamanya. Potret-Potret juga mencerminkan pengaruh fesyen Selat di kalangan masyarakat Chetti Melaka, seperti yang dilihat dalam penggunaan kain-kain batik. Subjek-subjeknya secara unik adalah Chetti Melaka. Ia tidak tergolong dalam mana-mana templat fizikal. Nadia secara halus mendedahkan pelbagai pengaruh dalam penghasilan batik tersebut—India, Melayu dan Cina.



Butiran potret Ponnosamy Kalastree
Dilukis tangan pada kain batik, 2018



Gambar dari filem
"Siapakah Chetti Melaka"

SIAPAKAH CHETTI MELAKA? —FILEM DOKUMENTARI

ARAHAN OLEH K RAJAGOPAL

DITAUMLIAHKAN OLEH
PUSAT WARISAN INDIA

Masyarakat Chetti Melaka kini semakin tercerai dan kian kurang dikenali. Kisah mereka sukar difahami dan kurang diterokai. Kisah-kisah ini kian ditunggu untuk didokumentasi, disingkap dan diabadikan dalam ingatan.

Di manakah Chetti Melaka? Siapakah mereka? Apa kisah mereka? Ketahui jawapan kepada soalan-soalan ini melalui filem pengenalan ini.

Filem yang dirakamkan di Singapura dan Melaka dalam bentuk dokumentari ini menggambarkan perjalanan belia Chetti Melaka untuk mencari akar mereka, dan menggambarkan pelbagai aspek Chetti Melaka yang kurang dikenali di Singapura.

AWAL PERMULAAN

Dalam kurun ke-15, Melaka adalah sebuah pusat dagangan entrepot yang sibuk dan menjadi tumpuan pedagang daripada seluruh dunia. Pedagang India Selatan yang tiba dari Pantai Coromandel telah berkahwin dengan wanita Melayu dan Cina tempatan. Mereka membentuk masyarakat Chetti Melaka yang dapat bertahan sepanjang pemerintahan Kesultanan Melaka yang dituruti dengan pemerintahan Portugis, Belanda dan Inggeris berabad-abad lamanya.



**Geran Tanah bagi Kuil
Sri Poyatha Venayagar Moorthi**
20 Ogos 1781, Zaman Belanda,
Melaka, Malaysia
Dengan ihsan Pengamanah Kuil
Sri Poyatha Venayagar Moorthi

Ini adalah surat ikatan hak milik bagi tanah yang diberi oleh pentadbiran Belanda kepada *Jentiefs Tempel* (Bahasa Belanda bagi Kuil Hindu). Di tapak tanah inilah Kuil Sri Poyatha Venayagar Moorthi dibina.

KAMPUNG CHETTI

Bagi masyarakat Chetti Melaka, Gajah Berang merupakan satu-satunya kampung halaman mereka kerana kebanyakan orang Chetti tidak tahu asal usul nenek moyang mereka di India. Majoriti keluarga Chetti Melaka tinggal secara berkelompok di sekitar Gajah Berang, Bachang dan Tranquerah serta Kampung Tujuh (kini Kampung Chetti). Kehidupan masyarakat ini secara berkelompok telah menyebabkan pengekalan gaya hidup dan warisan budaya mereka yang tersendiri seperti yang dapat dilihat di Kampung Chetti.



Gambar kediaman N Somasundaram yang terletak di 174 Jalan Gajah Berang 1947, Melaka, Malaysia
Dengan ihsan S Namasevayam



Gambar BS Naiker dan Avarami di luar kediaman mereka yang terletak di No 5 Kampung Tujuh, Gajah Berang 1940-an, Melaka, Malaysia
Ihsan Vengadesan Naiker



Gambar Arumugam Supramaniam Chitty dan Sivagamee Pertengahan abad ke-20, Singapura
Dengan ihsan keluarga Letchemee Chit



Gambar MT Pillay
1950-an, Melaka
Dengan ihsan Nathan Pillay

KISAH-KISAH CHETTI MELAKA KITA

Pada akhir abad ke-19, beberapa ahli Chetti Melaka yang berpendidikan Inggeris telah meninggalkan Melaka untuk ke Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Singapura. Kebanyakan Chetti Melaka di Singapura yang terdahulu bekerja di dalam sektor swasta atau dalam perkhidmatan pemerintah kolonial.

Mereka termasuk Arumugam Supramaniam Chitty, seorang kerani pemerintah; Sandy Gurunathan Pillay, seorang peguam yang berjaya; Apoo Pillay yang bekerja dalam firma guaman; Ramasamy Suppiah Naidu yang menyertai pasukan polis; Francis J Pillay yang berjuang untuk mempertahankan Singapura semasa Perang Dunia II, dan yang paling terkenal, MT Pillay, seorang eksekutif di Pejabat Akauntan Negara dan bertanggungjawab menarik ramai orang Chetti Melaka untuk bekerja dengan pemerintah di Singapura.



Agamee
apura
mee Chitty

DARI BUAIAN HINGGA KE LIANG LAHAD

Adat istiadat dan perayaan sepanjang hidup masyarakat Chetti Melaka berkait rapat dengan amalan Hindu Tamil tradisional.

Ini termasuk upacara seperti *kaadhu kuthal* (menindik telinga) untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan, dan upacara kesuburan *sadanggu* untuk kanak-kanak perempuan. Adat istiadat perkahwinan tradisional untuk masyarakat Chetti disambut dengan penuh gah, dan ia termasuk pelbagai upacara dengan beberapa unsur-unsur yang dipinjam daripada adat Melayu dan Cina, termasuk pakaian, muzik dan istilah-istilah.



Gambar Perarakan sempena
pesta Sembahyang Dato Chachar
1970-an, Melaka, Malaysia
Dengan ihsan Meenachi Pillay



Gambar N Somasu ndram dan Meenatchi
pada hari per kahwinan mereka
1940-an, Melaka, Malaysia
Dengan ihsan S Kunasehkaran

PERAYAAN CARA CHETTI

Secara tradisinya, kebanyakan masyarakat Chetti Melaka adalah pengikut kuat agama Hindu Saivite dan perayaan-perayaan utama Chetti Melaka bertepatan dengan perayaan-perayaan agama utama dalam kalender Hindu Tamil. Perayaan tahunan yang paling penting, Sembahyang Dato Chachar, diadakan di Kuil Muthu Mariamman di Gajah Berang dan dihadiri oleh ribuan, termasuk kebanyakan masyarakat Chetti Melaka di Singapura. Di Singapura, mereka meraikan kebanyakan perayaan Hindu, termasuk beberapa amalan unik dipanggil *parachu*, yang diraikan dua kali dalam setahun.

DAPUR CHETTI

Selami selera anda dan terokai dapur nenek-dengan pelbagai jenis periuk, kuali dan limpahan peralatan aneh. Lihat apa yang sedang di masak! Pameran ini termasuk dapur interaktif untuk membolehkan anda meneroka pelbagai resipi dan alat yang digunakan untuk menghasilkan pelbagai juadah tradisional Chetti.

Di dalam sesi *cherki*, anda juga boleh menguji kemahiran permainan anda atau mendengar beberapa pakar masyarakat berkongsi resipi kegemaran mereka!



Gambar perayaan *Bhogi Parachu* sedang disambut oleh Mariappan Pillay and keluarganya
Lewat 1970an, Singapura
Dengan ihsan keluarga
Mariappan Kannusamy Pillay

MAKAN CHETTI

Masakan Chetti Melaka merupakan kacukan unik masakan India, Melayu dan Cina yang pelbagai hidangan untuk setiap majlis. Untuk masakan Chetti Melaka, rempah tradisional India biasanya digabungkan dengan bahan-bahan Melayu bahan-bahan Melayu seperti belacan, serai, lengkuas, daun pandan dan santan untuk menghasilkan masakan Chetti yang unik.



Lukisan artis yang menggambarkan dapur Chetti

MENGENAI PUSAT WARISAN INDIA

Semua maklumat adalah tepat pada masa cetakan. Pusat Warisan India berhak untuk membuat perubahan dan pengubahsuaian kepada program tanpa notis terlebih dahulu. Pandangan dan pendapat yang dinyatakan oleh penceramah, fasilitator atau artis dalam ceramah dan bengkel tidak semestinya mewakili pendirian Pusat Warisan India. Hak cipta terpelihara. Bahan-bahan dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan sebahagian atau keseluruhannya tanpa kebenaran bertulis dari Muzium, penerbit. © Hakcipta 2016.

Pusat Warisan India, di bawah pengurusan Lembaga Warisan Negara dengan sokongan daripada masyarakat India, menjelaki sejarah masyarakat India dan Asia Selatan di rantau Asia Tenggara. Bangunan empat tingkat Pusat Warisan India merupakan bangunan yang ikonik, unik dan mampan yang menggabungkan kedua-dua unsur seni bina tradisional India serta moden. Reka bentuk seni yang dibina untuk permukaan bangunan Pusat Warisan India ini diilhamkan daripada *baoli* (atau perigi tangga India). Ia bertujuan untuk mewujudkan forum kota untuk perayaan dan penghargaan budaya India. Bangunan ini menempatkan lima galeri kekal, kemudahan muzium skala kecil, sebuah kedai muzium serta ruang program dan aktiviti.

MAKLUMAT PELAWAT

ALAMAT

5 Campbell Lane
Singapore 209924

WAKTU PEMBUKAAN

Selasa hingga Khamis:
10 pagi hingga 7 malam
Jummat hingga Sabtu:
10 pagi hingga 8 malam
Ahad & Cuti Umum:
10 pagi hingga 4 petang
Ditutup pada Isnin

*Masuk terakhir ke galeri adalah setengah jam sebelum waktu tutup

LAWATAN BERPANDU

Sertai sukarelawan kami dan nikmati lawatan berpandu *Chetti Melaka Selat—Menemukan semula Masyarakat India Peranakan*

LAWATAN BAHASA INGGERIS:


2 petang, Rabu dan Jumaat *
3.30 petang, Sabtu pertama dan ke-3 setiap bulan**

LAWATAN BAHASA INGGERIS:

11.30 pagi, Jumaat pertama setiap bulan *
4 petang, Sabtu pertama setiap bulan**

*Mulai 12 September 2018

**Mulai Oktober 2018 dan seterusnya



LAWATAN BERPANDU DENGAN APLIKASI SMARTIFY

Muat turun aplikasi Smartify daripada App Store dan Google Play secara percuma.



HUBUNGKAMI

+65 6291 1601

@ihcsg

www.indianheritage.org.sg

facebook.com/indianheritagecentre

LAWATAN ANEKDOT

MAKAN CHETTI— SIRI DEMONSTRASI

SIMPOSIUM YANG HILANG DAN DITEMUI— SUKE KAUM CHETTI MELAKA

Sertai sukarelawan masyarakat kami, dalam satu siri lawatan berpandu khas. Berdasarkan pengalamandan pengetahuan tentang asal usul mereka sendiri, jurupandu Chetti Melaka ini akan berkongsi budaya unik mereka melalui lawatan selama satu jam sekitar pameran ini.

Lawatan ini memerlukan sekurang-kurangnya 4 peserta atau ia akan dibatalkan.

Nikmati keunikan masakan Chetti melalui siri bulanan ini. Pakar masak Chetti Melaka akan berkongsi rahsia makanan tradisional kegemaran mereka. Untuk maklumat lanjut, kunjungi laman web kami atau hubungi kami di nhb_ihc_exhibitions@nhb.gov.sg atau 62912536.

**Sabtu dan Ahad kedua setiap bulan
dari Oktober 2018 hingga Mei 2019.**

Walaupun mereka merupakan salah satu suku kaum yang tertua di rantau ini, tidak banyak yang diketahui mengenai Chetti Melaka dari Singapura. Mereka adalah masyarakat yang sangat kecil, dan bilangan mereka semakin merosot. Warisan Selat mereka yang unik bergantung pada ingatan kolektif anggota-anggota mereka yang lanjut usia. Simposium ini akan memperkenalkan para peserta kepada sejarah dan pelbagai aspek budaya kompleks masyarakat Chetti Melaka. Simposium yang menyatukan para sarjana dan ahli akademik dari rantau ini akan menghuraikan persoalan mengenai evolusi identiti Chetti Melaka, darah kacukan mereka yang unik serta arah tujuan mereka pada masa hadapan.

23 Februari 2019.

**Masuk percuma untuk semua aktiviti tersebut di atas,
daftar di indianheritagecentre.peatix.com**

DIANJURKAN OLEH**DISOKONG OLEH****SEBUAH INSTITUSI WARISAN
DI BAWAH NAUNGAN****DALAM PERKONGSIAN DENGAN****LAWATAN BERPANDU
DISOKONG OLEH****SOKONGAN PESERTA**

Muhammad Rafi bin Abdullah,
Sekolah Seni Kreatif,
Kolej Seni LASALLE

Genevieve Chia Xin Ying,
Program Pengajian Asia,
Universiti Nasional Singapura

DI KULIT BUKU:
Potret studio seorang suami Chetti
Melaka memakai sarong kebaya
Abad ke-20, Melaka, Malaysia
Dengan ihsan Thanam Muthusamy

PEMINJAM

David Bok	Sitha A/P Veloo Pillay
Yati Bok	Vemala Rajamanickam
Anasuya Dhraisingam	Nellachi Pillay and David Row
Samuel S Dhraisingam	Suketha Rethinam
Yashodhara Dhraisingam	S Rooba Malar
M Gurunathan	Sanasee Philips Roy and Sushila Roy
Jaya Lakshimi Gurusamy	S Kathai Devi
Ponnusamy Kalastree	S Kunasehkaran
Peter Lee	S Namasevayam
Mangkayarkarasi	V Sityapamah
Thanam Muthusamy	Keluarga Letchemee Chitty
Vengadesan Naiker	Keluarga Mariappan Kannusamy Pillay
Panniruky Perumal	Keluarga of Nadarajan Raja
G Kamachee Pillay	Amanah Kuil Sri Poyatha Venayagar Moorthi
G Meenachi Pillay	Muzium Tamadun Asia
Gerald Francis Pillay	Lembaga Perpustakaan Negara, Singapura
Letchemee Pillay	Muzium Negara Singapura
Murugason Sithambram Pillay	Muzium Peranakan
Nathan Pillay	

PENYUMBANG SEJARAH LISAN

David Bok	G Meenachi Pillay
C Ratha Chitty	Kanagalingam Pillay
C Santha Chitty	Letchemee Pillay
Ganesan Chitty	Murugason Sithambram Pillay
K Danaletshimi	Nathan Pillay
Samuel S Dhraisingam	Chanscherani d/o SM Pillay
M Gurunathan	Gerald Francis Pillay
Jaya Lakshimi Gurusamy	G Ponama d/o Gurusamy Pillay
P Daisy Jacobs	Krishnan Pillay
Kala KJ	Merlin Pillay
Ponnusamy Kalastree	M Rishnaiswaren Pillay
S Kathai Devi	Nellachi Pillay and David Row
S Kunasehkaran	Sitha A/P Veloo Pillay
Sam Kuna	T Sithambaram Pillay
S Rooba Malar	Prabha
P Nadarajan Mudaliar	G Tega Raja
Thanam Muthusamy	Vemala Rajamanickam
Wenila Nadarajan	Janani Rajkumar
S Namasevayam	Vikram Rajkumar
Jane Oologanayagee	Sanasee Philips Roy
Sundram Palani Padayachi	Sushila Roy
Maniam Palanee	Seethadevi
Panniruky Perumal	R Selvamalar
Mogana Chelliah Peter	V Sityapamah
Alfred George Pillay	Krishnavaini Kannoo Sutheyvall
K Arunasalam Pillay	Jack Thevathasan
M Arunamurthy Pillay	M Vivekananthan